

29 JUL 2003

MAHATHIR-MSC

MSC, KINI SATU REALITI DAN BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bagi yang masih ragu-ragu sama ada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) boleh menjadi satu realiti perlu melihat kepada jumlah syarikat berstatus MSC yang berdaftar sehingga hari ini.

Beliau berkata walaupun kerajaan pada awalnya mensasarkan 500 syarikat berstatus MSC menjelang 2003, namun jumlahnya kini mencapai 800 syarikat.

"Jika itu bukan satu kejayaan, jadi apakah makna kejayaan," katanya di majlis perasmian bangunan Ericsson@MSC, di sini, hari ini.

Ericsson@MSC, yang menelan kos RM80 juta merupakan hub serantau merangkap ibu pejabat Ericsson bagi Ericsson Malaysia.

Bangunan itu menempatkan pameran utama rangkaian "secara langsung" yang mempamerkan evolusi standard telekomunikasi mudah alih daripada Sistem Global bagi Komunikasi Mudah Alih (GSM) kepada generasi ketiga. -- BERNAMA

MAD MSL/MR ZK